

AAJ 1658

ACV 1945

AAK 0778

R

PERBANDINGAN ARAH PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU DI MALAYSIA DAN THAILAND

OLEH

HARA SHINTARO

DISERTASI UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN MELAYU

UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2001


Perpustakaan Universiti Malaya



A510824656

Perakuan Pelajar

Adalah saya, Hara Shintaro, mengaku bahawa disertasi ini merupakan hasil usaha saya sendiri, kecuali bahan-bahan petikan yang dinyatakan sumbernya.

Tandatangan : 
Nama : Hara Shintaro
Tarikh : 22 Jun 2001

Penghargaan

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah Azzawajalla, Tuhan yang menciptakan manusia dari seketul tanah dan membekalkan ilmu kepadanya. Manusia menggunakan bahasa, kurniaan dari Tuhan yang Maha Mengetahui, untuk memanfaatkan akal yang dibekalkan oleh-Nya.

Kajian yang amat sederhana yang dilakukan dalam disertasi ini menyorot kepada beberapa aspek yang ada pada bahasa sebagai kurniaan Tuhan, seperti aspek kemasyarakatan, aspek penghasilan dan seumpamanya. Sekiranya disertasi ini dapat memperjelas betapa rumitnya sifat bahasa, saya berharap semoga usaha ini akan diterima oleh-Nya sebagai satu ibadah dalam bentuk kerja ilmiah. Di sini saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan terhutang budi saya kepada beberapa pihak.

Kepada penyelia saya, Prof. Dato' Dr. Hjh. Nik Safiah Hj. Abdul Karim, Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, diucapkan terima kasih seikhlas hati atas bimbingan, nasihat, keprihatinan, sifat yang terbuka serta kesabaran beliau sewaktu menyelia disertasi ini. Beliau bukan sahaja memberi pengajaran dalam perkara-perkara ilmiah, malah sentiasa memberi bimbingan dalam soal yang berkaitan dengan bahasa Melayu. Walaupun bagi saya bahasa Melayu merupakan bahasa kedua yang mula dipelajari sejak usia yang agak lanjut, dalam menyiapkan disertasi ini kesulitan dari segi bahasa hampir tidak dirasai kerana bimbingan daripada beliau.

Saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dr. Rohani Mohd. Yusof, Ketua Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, atas kesudian beliau menjadi penyelia bersama dan bimbingan serta nasihat untuk menyiapkan disertasi ini pada peringkat terakhir.

Diucapkan banyak terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Hj. Worawit Baru @ Ahmad Idris, Ketua Jabatan Bahasa-bahasa Timur, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Prince of Songkla University. Beliau telah memberikan saya pertolongan dan bantuan dalam berbagai-bagai bentuk, baik dari segi ilmiah maupun dari segi kemudahan dan galakan, sehingga saya dapat menjalankan penyelidikan di 'Fatani Darussalam' selama tempoh lebih dari satu tahun dalam keadaan yang amat selesa.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Nuwairi Khaza'ai, Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, para pensyarah dari Prince of Songkla University, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, iaitu Encik Waemajid Paramal dan Tuan Syed Abdullah Al-Jufri, Jabatan Bahasa Melayu, Tuan Abdul Rahman Abdullah, Jabatan Bahasa Arab, Prof. Madya Satian Paenlua, Jabatan Bahasa Thai. Dari semasa ke semasa mereka memberikan galakan, sokongan dan tunjuk ajar yang amat berharga dalam menyiapkan disertasi ini.

Rakaman terima kasih juga ditujukan kepada mereka yang bertugas di tanah air saya, Prof. Nishikawa Toshiyuki, Fakulti Undang-undang, University Sensyu, Encik Saiful Bahari bin Ahmad, bekas pensyarah bahasa Melayu di Fakulti

Pengurusan Dasar, Universiti Keio dan juga guru bahasa Melayu saya yang pertama, Encik Arai Takuji, Pengarah Eksklusif Persatuan Jepun-Malaysia, Puan Funada Kyoko, Fakulti Pengurusan Dasar, Universiti Keio. Mereka telah memberikan tunjuk ajar yang dapat saya manfaatkan dalam penulisan disertasi ini serta sentiasa memberikan nasihat serta sokongan moral.

Kepada rakan-rakan saya, sama ada di Malaysia, di Thailand atau di Jepun saya juga ingin mengucapkan terima kasih, iaitu kepada Encik Hishamudin Ahmad seisi keluarga, Saudara Khairul Anuar Ahmad, Saudara San Waeumar, Saudara Anuwat Mahamat, Saudara Direk Man'ari, Saudara Preecha Suksai, Encik Akira Matsuo, Saudara Maeda Noriyoshi. Mereka sentiasa memberikan sokongan dan semangat kepada saya.

Terima kasih khusus kepada ibu bapa saya yang membenarkan saya 'merantau' untuk tujuan menuntut ilmu di negeri asing. Mereka tidak berharta pusaka, lalu berhasrat untuk meninggalkan pendidikan yang sebaik-baiknya sebagai ganti, dan semata-mata mengharapkan anaknya menjadi orang yang bermanfaat kepada masyarakat. Saya sebagai anak mereka berharap semoga kerja yang sederhana ini menjadi sebahagian daripada hasil yang sesuai dengan kehendak mereka.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan rasa terhutang budi kepada semua pihak yang telah membantu saya baik secara langsung maupun secara tidak langsung dalam menyiapkan kerja ini. Walau bagaimanapun, segala kesilapan, kesalahan dan kelemahan yang terkandung dalam disertasi ini atas tanggungan saya sendiri. Semoga

kajian ini bermanfaat kepada semua pihak dan menjadi salah satu batu asas untuk perkembangan pengajian Melayu selanjutnya. Insya Allah.

Wassalam.

Hara Shintaro

Mei 2000

Abstrak

Disertasi ini merupakan satu kajian perbandingan bahasa Melayu yang dituturkan di dua buah kawasan yang saling berjiran, iaitu di Malaysia dan di Thailand, khususnya empat wilayah sempadan selatan, berdasarkan kerangka teoritis sosiolinguistik. Kajian ini mempunyai tiga tujuan, iaitu; i) membandingkan unsur-unsur yang mempengaruhi arah perkembangan bahasa Melayu di negara masing-masing, ii) menggambarkan dan menganalisis perbezaan yang ada pada bahasa Melayu di kedua-dua negara, dan iii) meramalkan arah perkembangan masa depan bahasa Melayu berdasarkan cabaran yang akan dihadapinya.

Bab 1 pendahuluan. Dalam bab ini disajikan latar belakang kajian, tujuan kajian serta kesesuaian kajian ini dari segi dua disiplin ilmu, iaitu pengajian Melayu dan sosiolinguistik.

Dalam **Bab 2** tumpuannya beralih kepada perbezaan konsep Melayu dan orang Melayu. Di Malaysia terdapat gejala yang boleh dianggap sebagai peluasan konsep Melayu, sebaliknya di Thailand pula konsep Melayu mempunyai erti yang khusus, yang dikaitkan secara erat dengan bahasa Melayu dan agama Islam. Perkara ini dibincangkan secara khusus kerana perasaan jati diri terhadap sesuatu bahasa merupakan satu bidang yang penting dalam bidang sosiolinguistik.

Bab 3 membandingkan pengaruh dasar kerajaan terhadap bahasa Melayu di kedua-dua negara. Di Malaysia bahasa Melayunya diangkat semula menduduki takhta sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal. Di samping itu bahasa Melayu

digunakan sebagai alat perpaduan negara yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum. Sebaliknya, di Thailand peningkatan bahasa Melayu dianggap sebagai ancaman terhadap perpaduan negara. Oleh itu, dasar kerajaan di Thailand bertujuan untuk menyebarkan bahasa Thai, terutamanya melalui sistem pendidikan, dan pada masa yang sama menyekat penggunaan bahasa Melayu dalam bidang-bidang yang penting.

Bab 4 merupakan perbincangan mengenai latar belakang sejarah bahasa Melayu dari sudut pandangan kata pinjaman. Mengikut sejarah perkembangannya, bahasa Melayu menerima pengaruh dari empat unsur kebudayaan, iaitu unsur dari Nusantara, unsur dari India, unsur dari Arab/Parsi serta unsur dari dunia barat. Unsur pinjaman dibincangkan secara khusus di sini kerana kini bahasa Melayu di kedua-dua kawasan kajian melangkah ke arah perkembangan masing-masing, yang dipengaruhi oleh bahasa utamanya, iaitu bahasa Inggeris di Malaysia dan bahasa Thai di Thailand selatan. Sebaliknya kata-kata pinjaman yang telah menjadi darah daging bahasa Melayu pula masih berfungsi sebagai tali pertalian antara kedua-dua kelainan. Perbincangan di sini juga menjadi latar belakang bagi perbincangan yang selanjutnya.

Perbincangan dalam **Bab 5** pula menyajikan huraian ringkas mengenai keadaan sosiolinguistik di Thailand, terutamanya bahagian selatan yang mengandungi empat wilayah sempadan selatan, iaitu kawasan kediaman bagi masyarakat Melayu Patani. Huraian di sini bertujuan memberi gambaran yang lebih jelas tentang Thailand untuk kemudahan perbincangan selanjutnya.

Dalam **Bab 6** dan **Bab 7** dianalisis pengaruh bahasa utama terhadap bahasa Melayu di kedua-dua negara, iaitu bahasa Inggeris di Malaysia dan bahasa Thai di

Thailand. Sebelum penganalisisan, dikemukakan aspek-aspek teoritis yang berkaitan dengan gejala dwibahasa, seperti proses peminjaman serta peralihan kod. Di sini tumpuannya diberikan kepada sistem berbahasa yang dimiliki oleh anggota masyarakat dwibahasa. Perbincangan mengenai pengaruh bahasa utama, yang merupakan kajian kes pula, dibuat berdasarkan kerangka teori yang dikemukakan dalam bahagian awal bab ini.

Bab 8 merupakan rumusan bagi keseluruhan disertasi ini. Di sini disimpulkan cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu (sebenarnya masyarakat penutur bahasa Melayu), dan menganalisis arah perkembangan bahasa Melayu dalam konteks yang lebih luas, iaitu dalam konteks dunia Melayu.

Abstract

This research is a comparative study of the Malay language in Malaysia and Thailand from the view point of sociolinguistics, especially focusing on the influence of the major language in each country. This study has three main purposes; i) to compare those factors which influence the development direction of the Malay language in each country; ii) to describe and analyze differences found between the Malay language in those two countries, and iii) to forecast future developmental direction of the Malay language.

Chapter 1 outlines the background, purpose, field of study, theoretical frame and method of research. Chapter 2 focuses on the differences in the concept of the word 'Malay' or 'Melayu' in Malaysia and Thailand. In Malaysia, from time to time, we find the 'Malay' concept extended to mean the core of national identity; in Thailand 'Malay' has a special specific notion, and has been connected with Islam. In other words, in Malaysia 'Malay' has become the core of national identity, while in Thailand this term is regarded as the core of specific ethnicity of those who believe in Islam. This factor is discussed because 'linguistic identity' is an important topic in sociolinguistics.

Chapter 2 is a short illustration of the sociolinguistic situation in Thailand. This chapter can be regarded as the background of the discussion in Chapter 5. This short explanation is provided because materials about the sociolinguistic situation in Thailand which can be obtained in Malaysia is very limited, not only those written in Malay but also in English.

Chapter 3 compares the language policy of Malaysian and the Thai government which influences the development of the Malay languages in each country. In Malaysia after independence, Malay was given the status as the sole national language, and ten years after independence became the sole official language. Since independence, Malay has been developed not only as the national (and official) language, but also as the language of instruction at tertiary education. In Thailand, conversely, Malay had not been promoted by its government at all, but had been regarded as an obstacle of national integrity. The only language policy carried out by the Thai government is the promotion of the Thai Language, and Malay has been discriminated from the main realms, especially in the official and educational domains.

Chapter 4, as a historical background, discusses the loan words in Malay, which were from many foreign languages such as Sanskrit, Arabic and Western languages especially from English. The loan words discussed in this chapter are those that have already become an important component of the language, not regarded as negative influences from major foreign languages as discussed in Chapter 6.

Chapter 6 and 7 discuss the influence of the major languages toward the Malay language in Malaysia and Thailand. The Malay language in these two countries are used in the multilingual society, and as a consequence, especially in the colloquial usage, is deeply influenced by the respective major languages, English in Malaysia and Thai in Thailand, which plays an important role in each country.

The final chapter, Chapter 8, firstly compares the influence of the major languages discussed in the proceeding two chapters, then illustrates the challenges toward the Malay language in the future, and forecasts the developmental direction of Malay in each country.

Kandungan	Halaman
Pengakuan Pelajar	i
Penghargaan	ii
Abstrak	vi
Abstract	ix
Kandungan	xii
Senarai Jadual	xv
 Bab 1 Pendahuluan	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Bidang Kajian	6
1.3 Tujuan Kajian	9
1.4 Tinjauan terhadap Kajian Lalu	11
1.5 Perkaedahan Kajian	15
1.5.1 Kaedah Kajian	15
1.5.2 Bahan dan Sumber Kajian	16
1.5.3 Analisis Data	16
1.6 Masalah Kajian	17
1.7 Kerangka Teoretis	17
1.8 Kesesuaian Kajian	18
1.8.1 Kesesuaian Dari Segi Bidang Pengajian Melayu	20
1.8.2 Kesesuaian Dari Segi Bidang Sosiolinguistik	21
1.9 Penutup	25
	31
 Bab 2 Perbandingan Konsep Melayu dan Orang Melayu di Thailand	 33
2.1 Pengenalan	33
2.2 Konsep Melayu di Malaysia	36
2.2.1 Peluasan Konsep Melayu	38
2.2.2 Konsep Melayu dalam Soal Kebahasaan	40
2.3 Konsep Melayu di Thailand	42
2.3.1 Orang Islam dalam Thailand	44
2.3.2 Orang Melayu di Sekitar Bangkok dan Perpindahan Orang Thai ke Selatan	46
2.3.3 Konsep <i>Siam</i> sebagai Lawanan terhadap Konsep Melayu	50
2.3.4 Istilah <i>Khaek</i> dan Konotasinya	54
2.4 Penutup	58
 Bab 3 Kesan Dasar Kerajaan terhadap Perkembangan Bahasa Melayu	 59
3.1 Pengenalan	59
3.2 Dasar Pengembangan Bahasa Melayu di Malaysia	61
3.2.1 Perancangan Taraf Bahasa	63
3.2.2 Perancangan Korpus Bahasa	69
3.3 Kesan Dasar Kerajaan Thailand Terhadap Bahasa Melayu	73
3.3.1 Latar Belakang Dasar Asimilasi	75
3.3.2 Dasar Ratthaniyom	78
3.3.3 Penukaran Nama Tempat dan Dasar Nama Baka	80
3.3.4 Penukaran Sistem Pendidikan Pondok	83
3.4 Penutup	89

Bab 4 Unsur Asing dalam Bahasa Melayu	93
4.1 Pengenalan	93
4.2 Sebab-musabab Peminjaman Unsur Asing	99
4.3 Unsur Pinjaman dari Dalam Nusantara	103
4.3.1 Kedudukan	104
4.3.2 Golongan Kata	105
4.4 Unsur Pinjaman dari Bahasa Sanskrit	105
4.4.1 Kedudukan	106
4.4.2 Golongan Kata	108
4.5 Unsur Pinjaman dari Bahasa Arab	110
4.5.1 Kedudukan	113
4.5.2 Golongan Kata	114
4.6 Unsur Pinjaman dari Bahasa-bahasa Barat	114
4.6.1 Kedudukan	116
4.6.2 Golongan Kata	118
4.7 Penutup	119
Bab 5 Huraian Tentang Keadaan Sosiolinguistik di Thailand	123
5.1 Pengenalan	123
5.2 Penggunaan Bahasa Thai di Thailand	126
5.3 Keadaan Sosiolinguistik Bahasa Thai Dialek Selatan	129
5.3.1 Bahasa Thai Dialek Selatan	130
5.4 Perkataan Pinjaman dari Bahasa Melayu dalam Bahasa Thai	132
5.4.1 Perkataan Pinjaman dari Bahasa Arab	135
5.4.2 Perkataan Pinjaman dari Bahasa Melayu	139
5.5 Penutup	142
Bab 6 Pengaruh Bahasa Utama terhadap Bahasa Melayu	144
6.1 Pengenalan	144
6.2 Gejala Dwibahasa	145
6.2.1 Peringkat Pengaruh Bahasa Utama	145
6.2.1.1 Peringkat Penguasaan Dwibahasa	146
6.2.1.2 Peringkat Penggunaan Dwibahasa	149
6.2.2 Peralihan Kod	151
6.2.2.1 Sistem Penghasilan Ungkapan	153
6.2.3 Perbezaan antara Peminjaman dengan Peralihan Kod	156
6.3 Pengaruh Bahasa Inggeris terhadap Bahasa Melayu di Malaysia	158
6.3.1 Kedudukan Bahasa Inggeris di Malaysia	159
6.3.2 Tahap Pengaruh Bahasa Inggeris	162
6.3.2.1 Peminjaman	162
6.3.2.2 Gejala Zaman Kuno yang Diulang Semula	166
6.3.2.3 Peralihan Kod	168
6.4 Penutup	173

Bab 7 Pengaruh Bahasa Thai ke atas Bahasa Melayu Dialek Patani	175
7.1 Pengenalan	175
7.2 Peringkat Pendedahan Kepada Bahasa Thai	176
7.3 Peringkat Pengaruh Bahasa Thai	180
7.3.1 Pengaruh Permukaan	182
7.3.1.1 Kata Pinjaman yang berkaitan dengan Sistem Pemerintahan dan Dasar	183
7.3.1.2 Kata Pinjaman dalam Aspek Kehidupan	187
7.3.1.3 Peminjaman Kata Majmuk	189
7.3.1.4 Pembentukan Istilah Campuran	190
7.3.2 Pengaruh Dalaman	191
7.3.2.1 Peminjaman Terjemah	192
7.3.2.2 Pengaruh terhadap Susunan Ayat	193
7.4 Penutup	197
Bab 8 Rumusan : Bahasa Melayu dalam Cabaran	200
8.1 Pendahuluan	200
8.2 Perbandingan Pengaruh Bahasa Utama terhadap Bahasa Melayu	201
8.2.1 Punca Pengaruh Bahasa Utama	201
8.2.2 Peringkat Sistem Bahasa yang Terpengaruh	202
8.3 Cabaran terhadap Perkembangan Bahasa Melayu	204
8.3.1 Cabaran Luaran	205
8.3.1.1 Cabaran Teknologi Maklumat	205
8.3.1.2 Jurang Pemisah antara Kelainan Bahasa Melayu	208
8.3.2 Cabaran Dalaman	211
8.4 Penutup	213
Bibliografi	216